

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Rekaan Dan Jahitan Pakaian (7201/1) mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Kesemua bahagian wajib dijawab oleh calon. Kertas ini berbentuk subjektif.

- Bahagian A Soalan pengetahuan (Aras Rendah) mengandungi 10 item dan jumlah skor 50.
Bahagian B Soalan aplikasi (Aras Sederhana) mengandungi 3 item dan jumlah skor 30.
Bahagian C Soalan kreativiti (Aras Tinggi) mengandungi 2 item dan jumlah skor 20.

Peruntukan masa untuk kertas ini ialah 2 jam 30 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon Rekaan dan Jahitan Pakaian sederhana. Calon dapat menjawab Bahagian A dengan baik. Ini menunjukkan calon dapat menguasai tajuk modul pembelajaran dengan berkesan. Namun terdapat juga calon yang tidak mengikut arahan soalan, contohnya menanda semua jawapan di ruang yang disediakan. Manakala Bahagian B, hanya sebahagian calon boleh menjawab dengan baik, kerana soalan bahagian ini berbentuk aplikasi. Kebanyakan calon lemah dalam item pengiraan kos kerana calon lemah dalam subjek matematik. Keseluruhan calon lemah dan gagal menjawab soalan Bahagian C dengan baik. Calon gagal menguasai fakta yang dikehendaki oleh item.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Terdapat sebilangan calon dapat memahami kehendak soalan/tugasan dengan mengemukakan isi yang bernas dan mencukupi. Setiap isi diikuti dengan huraian yang sesuai. Keseluruhan calon dapat menyampaikan idea, membuat pengiraan, membuat lakaran fesyen yang jelas dan tepat. Calon berjaya menguasai ketiga-tiga bahagian soalan dengan baik.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Terdapat sebilangan besar calon memahami kehendak soalan/tugasan yang diberi tetapi mengemukakan jawapan yang kurang tepat. Calon hanya dapat menjawab soalan Bahagian A dan Bahagian B sahaja. Ini menunjukkan calon kurang daya kreativiti untuk menjawab Bahagian C yang memerlukan daya kreativiti yang tinggi.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Terdapat sebahagian kecil calon tidak memahami kehendak soalan/tugasan. Calon tidak mencuba langsung untuk menjawab soalan Bahagian C. Calon juga amat lemah dalam item pengiraan.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Calon cemerlang dapat menjawab dengan tepat. Calon lemah menanda semua jawapan, jelas calon tidak memahami arahan item. Calon dikehendaki menanda lima jawapan betul tetapi calon lemah menanda kesemua ruangan jawapan.

Soalan 2

Keseluruhan calon dapat menjawab item dengan tepat. Calon dapat menguasai tajuk tanda-tanda pola dengan betul.

Soalan 3

Keseluruhan calon dapat menjawab item dengan tepat.

Soalan 4

Calon memberi berbagai-bagai jawapan. Jawapan calon tidak menepati kehendak item. Calon tidak menganalisis rajah dengan tepat.

Soalan 5

Keseluruhan calon dapat menjawab item dengan betul. Calon yang lemah menanda kesemua jawapan di ruang yang disediakan.

Soalan 6

Calon kurang memahami arahan item. Ada calon yang menanda jawapan pada rajah, sepatutnya pada ruang jawapan yang disediakan. Calon dikehendaki menganalisis rajah dengan teliti.

Soalan 7

Calon cemerlang dapat menjawab item dengan tepat. Calon lemah menulis jawapan dengan ejaan yang salah.

Soalan 8

Calon boleh menjawab dengan tepat. Calon lemah menanda 1 atau 2 sahaja jawapan yang betul atau menanda kesemua jawapan. Calon dikehendaki menganalisis rajah dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Soalan 9

Calon boleh menjawab item ini dengan betul.

Soalan 10

Calon boleh menjawab item dengan betul.

Bahagian B

Soalan 1

Calon cemerlang dapat melakar corak dan garis leher pada rajah dan memberi idea dengan baik. Calon boleh menguasai tajuk modul pembelajaran dan boleh mengaplikasikan pada jawapan. Calon lemah tidak memahami soalan, sepatutnya melakar corak tetapi calon melakar hiasan. Calon gagal mengaplikasikan proses pembelajaran.

Soalan 2

Calon cemerlang dapat mereka bentuk stail skirt selisih dengan kreatif. Calon sederhana dan lemah pula, tidak dapat menghasilkan reka bentuk skirt selisih yang lain. Calon tidak kreatif untuk menjawab item ini. Calon gagal mengaplikasikan kemahiran dan mencetuskan idea yang lain.

Soalan 3

Keseluruhan calon dapat menjawab item ini. Namun jalan pengiraan kos tidak bersistematik. Calon amat lemah dan kurang menguasai tajuk pengiraan. Hanya sebilangan kecil calon sahaja dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Bahagian C

Soalan 1

Calon cemerlang dapat melakar pandangan hadapan dan pandangan belakang kolar yang sesuai untuk blaus seperti yang dikehendaki item. Hanya sebilangan kecil calon yang kreatif berjaya menjawab item aras tinggi. Calon sederhana dan lemah gagal menjawab item, calon gagal mengemukakan contoh untuk menyokong fakta yang diberi.

Soalan 2

Calon cemerlang boleh menjawab tetapi fakta tidak dihuraikan dengan terperinci. Keseluruhan calon sederhana dan lemah tidak menjawab item, ruangan jawapan dibiarkan kosong. Sepatutnya calon menghuraikan idea dengan jelas dan terperinci dengan bantuan grafik agar calon mendapat skor yang tinggi.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca dan memahami kehendak soalan/tugasan dengan teliti sebelum menjawab. Calon perlu menganalisa soalan tersebut.
2. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab sesuatu soalan. Contoh soalan bahagian C (Soalan Kreativiti).
3. Perlu banyak membuat latihan pengiraan kos. Pengiraan mestilah bersistematik.
4. Perlu banyak latihan melakar fesyen pakaian dengan teknik dan penggunaan alatan yang betul dan sesuai.
5. Membuat catatan ringkas semua modul pembelajaran.

6. Calon mesti berdisiplin dan mematuhi arahan guru.
7. Rajin membuat latihan proses kemahiran yang dipelajari.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2. Menggunakan pelbagai bahan rangsangan yang menarik dan berkualiti. Contohnya buku fesyen, pakaian sebenar, risalah berkaitan dan sebagainya.
3. Mendedahkan calon proses amali menjahit mengikut urutan yang betul.
4. Menguasai teknik pentaksiran kompetensi dengan sistematik dan berkesan.
5. Guru mengajar tajuk modul yang mudah dahulu dan diikuti dengan tajuk yang sukar.
6. Perlu kemudahan fizikal dengan penggunaan alatan dan bahan yang betul dan tepat.
7. Guru perlu diberi kursus peningkatan kemahiran, pengurusan dan pengendalian bengkel agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.
8. Penggunaan istilah yang tepat dan betul diamalkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
9. Guru mesti memberi penekanan yang lebih kepada proses yang baru pada setiap modul.